

05 NOV 2000

Wanita-Islam

AKTIVIS WANITA M'SIA TERUSKAN KEMPEN BAGI REFORMASI ISLAM

Oleh: Neville D'Cruz

MELBOURNE, 5 Nov (Bernama) -- Aktivis wanita Malaysia meneruskan kempen bagi melaksanakan lebih banyak reformasi Islam selepas mencapai kejayaan awal, menurut seorang ahli penyelidik Monash University di sini.

Rebecca Foley, calon kedoktoran di School of Political and Social Inquiry di Monash, berkata reformasi Islam adalah isu penting di Malaysia kerana kira-kira 60 peratus daripada penduduk beragama Islam dengan undang-undang Syariah dilaksanakan bersama undang-undang sivil.

Beliau memberitahu "Monash News" bahawa aktivis wanita Islam Malaysia adalah dari kelas pertengahan dan mereka amat berhati-hati supaya tidak dianggap sebagai radikal atau tidak menghormati agama.

Bagaimanapun, ia tidak melemahkan semangat mereka dengan para aktivis itui berkata banyak pihak mempunyai salah tanggapan mengenai Islam sejak beberapa abad sehingga menyebabkan ia dijadikan alasan untuk menafikan hak mereka.

"Mereka juga berkata bahawa kejayaan mereka memperjuangkan undang-undang bagi membendung keganasan dan undang-undang berhubung kes rogol dan penjagaan kanak-kanak adalah bukti bahawa Islam dan hak wanita tidak semestinya bersifat eksklusif

Foley mengenal pasti dua kumpulan reformis yang digelarnya ``aktivis keadilan Islam" dan "aktivis kesamarataan Islam."

"Aktivis keadilan Islam berfungsi rapat dengan sistem itu. Mereka bersetuju untuk memakai purdah dan menerima peranan tradisi wanita sebagai isteri dan ibu atau sebagai pekerja dalam profesion tertentu yang mempunyai wanita.

"Bagaimanapun, mereka menuntut lebih banyak hak bagi wanita dalam bidang seperti undang-undang keluarga termasuk peruntukan yang lebih terjamin bagi isteri yang diceraikan atau ditinggalkan."

Foley berkata aktivis kesamarataan pula percaya mengenai sekatan-sekatan ke atas peranan wanita dalam masyarakat.

"Mereka berkempen untuk menghapuskan poligami dan menambah bidang kuasa sivil.

Beliau berkata aktivis wanita Malaysia berasa optimistik mengenai reformasi selanjutnya tetapi bimbang bahawa apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berundur sebagai pemimpin, ia mungkin akan meningkatkan fahaman konservatif agama.

Foley berkata beliau berminat dalam hak-hak wanita di Malaysia semasa berada selama setahun di sana selepas menamatkan persekolahan dan berdepan dengan nasib saudara-mara wanita yang menjadi keluarga angkatnya yang terbabit dalam perkahwinan yang berpoligami.

-- BERNAMA.

NDC FAZ